

Kekasih dibenci ibu bapa

Gadis sukar tinggalkan teman lelaki hanya bekerja sebagai mekanik kerana sudah terlanjur

Soalan

IBU bapa tidak suka teman lelaki saya kerana dia tidak punya ciri-ciri yang diharapkan mereka.

Teman lelaki saya seorang mekanik di kedai motosikal dan pendidikannya hanya sekadar Penilaian Menengah Rendah (PMR). Tetapi, saya tidak kisah dengan jurang pendidikan kami kerana saya amat menyayangnya.

Satu perkara yang ibu bapa tidak tahu ialah kami sudah terlanjur. Selepas menjalinkan hubungan selama tiga tahun, kami ibarat pasangan suami isteri dan tinggal serumah.

Saya merahsiakan segala-galanya daripada pengetahuan ibu bapa kerana bimbang akan dipukul. Saya kini takut kerana menyembunyikan perhubungan ini.

Bantulah saya Dr kerana

tidak sanggup merahsiakan hubungan ini. Teman lelaki juga diburu bapa yang ingin memastikan hubungan kami tidak terjalin. Saya sangat memerlukan bantuan Dr menyelesaikan masalah ini.

GADIS RUNSING,
Melaka

Jawapan

IBU bapa mana tidak mahu yang terbaik untuk anak mereka termasuk memilih menantu. Justeru, tidak hairanlah ibu bapa adik tidak menerima teman lelaki sebagai menantu yang hanya bekerja sebagai seorang mekanik dan berkelulusan PMR.

Mereka punya alasan kukuh menolak lelaki pilihan adik. Ini kerana, apabila menyayangi seseorang, individu itu akan melihat kehidupan da-

ripada kaca matanya sendiri dan bukannya daripada orang yang disayangnya.

Itulah yang dilakukan ibu bapa kerana mereka melihat kehidupan adik daripada pandangan mereka sendiri. Oleh itu, apa yang adik perlu lakukan adalah memahami mengapa ibu bapa tidak dapat menerima teman lelaki adik. Tindakan itu akan dapat membuka ruang hati adik untuk melihat masalah ini dari sudut pandangan mereka.

Dengan itu, adik akan lebih bersifat empati terhadap ibu bapa. Melalui sifat empati itu, Dr harap adik punya keberanian untuk memberitahu mereka perasaan dan konflik yang ditanggung. Dr berharap adik tidak lagi merahsiakan perhubungan cinta adik dengan teman lelaki daripada pengetahuan ibu bapa.

Melarikan diri bukanlah jalan penyelesaian sesuatu masalah.

Selain itu, hubungan adik dengan teman lelaki sudah jauh dan dilarang agama. Justeru, untuk mengelak lebih banyak dosa, perkahwinan adalah jalan terbaik. Dalam agama, perkahwinan dianjurkan bagi lelaki dan perempuan.

"Dan kahwinkanlah orang-orang yang bujang lelaki dan perempuan dari kalangan kamu dan orang-orang yang salih dari hamba-hamba kamu. Jika mereka miskin Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya, kerana Allah Maha luas RahmatNya dan limpah kurniaNya lagi Maha Mengetahui. (Surah An-Nur 24:32)."

Merahsiakan perhubungan

anda tidak akan membuatkan ibu bapa adik berubah hati dan menyelesaikan masalah. Malah, ia pastinya akan melukakan hati apabila mereka mengetahui keadaan sebenar, lebih-lebih lagi apabila mengetahui kalian berdua melakukan perkara yang dilarang agama.

Jika adik dan teman lelaki serius dalam perhubungan ini, adik perlu tunjukkan kesungguhan dengan bersikap berani berhadapan dengan ibu bapa. Seterusnya berani bertanggungjawab dalam perhubungan cinta dan menjadikan ia satu ikatan yang murni serta diterima agama.

Di samping itu, berbincanglah dengan ibu bapa bagaimana kalian berdua boleh menjayakan hubungan ini. Apakah bukti dan komitmen

yang boleh ditunjukkan untuk meyakinkan mereka.

Mekanik satu pekerjaan yang baik dan jika diusahakan dengan komitmen yang tinggi, ia boleh memberikan pendapatan lumayan.

Proses meyakinkan dan memujuk ibu bapa bersetuju dengan pilihan adik mungkin tidak akan berlaku dengan mudah. Adik perlu bersabar melalui proses ini dan jangan mudah putus asa. Selalunya kesungguhan, kesabaran dan usaha yang baik akan menemui hasil yang baik.

Namun, jika segala usaha memujuk ibu bapa adik menerima teman lelaki gagal, serahkanlah kepada Allah. Terimalah ketetapan jodoh adik dengan hati yang reda mengikut batasan adat, budaya dan terutama dari sudut agama.

Hubungan cinta jadi bahan umpatan

Soalan

SAYA berusia 26 tahun dan bekerja selama dua tahun. Saya bekerja sebagai pengurus kewangan dan ini adalah pekerjaan pertama saya selepas menamatkan pengajian.

Sejak dua bulan lalu, saya menjalinkan hubungan cinta dengan majikan yang tua tiga tahun daripada saya. Secara peribadi, kami tidak ada masalah untuk bercinta kerana masing-masing belum berpunya. Keluarga juga merestui hubungan kami.

Tetapi, yang menjadi masalah sekarang adalah rakan sekerja yang selalu menjadikan kami bahan umpatan dan bahan untuk bergosip. Saya dengan kekasih berasa tidak selesa dengan keadaan itu. Kini, apa yang kami boleh lakukan hanyalah cuba untuk memahami dan menganggap situasi seperti ini perkara normal di tempat kerja.

Justeru, saya ingin meminta beberapa tip yang boleh dijadikan panduan dalam bercinta dengan majikan.

PERLU BANTUAN,
Ipoh, Perak

Jawapan

HUBUNGAN cinta di tempat kerja terutama antara pekerja dengan bos memang terdedah dengan umpatan dan gosip. Hubungan sebegini akan mewujudkan pera-



saan cemburu di kalangan rakan sekerja yang mengandaikan seseorang itu akan mendapat layanan istimewa daripada bos yang juga kekasihnya.

Hubungan di tempat kerja mudah berlaku kerana waktu bersama yang panjang. Justeru, dalam menangani masalah percintaan adik dengan majikan ini, perkara pertama yang perlu dilakukan ialah memastikan apakah polisi di pejabat mengenai hubungan sesama pekerja terutama hubungan cinta dengan majikan.

Adakah perhubungan itu dibenarkan? Jika perhubungan itu dilarang, adik dan majikan tidak boleh melanggar polisi itu jika mahu kekal dengan pekerjaan sekarang.

Bagaimanapun, jika ia dibenarkan, adik perlu bersikap profesional dalam hubungan itu. Jangan jadikan hubungan itu sebagai batu loncatan untuk mendapat kenaikan pangkat atau mendapat keistimewaan lain.

Adik juga perlu sensitif dengan perasaan rakan sekerja yang lain. Contohnya, jika ingin keluar dengan teman lelaki, pastikan jangan lakukan ketika waktu bekerja dan jangan sesekali menggunakan kemudahan pejabat atas urusan cinta seperti e-mel atau telefon.

Rakan sekerja yang tidak menyenangi hubungan adik dengan majikan berkemungkinan akan mencari kesalahan adik berdua dari semua sudut. Oleh itu, berbincanglah dengan teman

lelaki bagaimana perhubungan itu boleh dilakukan.

Jika adik selalu dilihat bersama dengan majikan di tempat kerja, ia boleh menimbulkan pelbagai andaian negatif di kalangan rakan sekerja. Seperti yang adik katakan, rakan sekerja selalu menjadikan adik dan majikan sebagai bahan umpatan. Akibatnya, adik dengan kekasih berasa tidak selesa dengan keadaan itu. Malah bukan adik berdua saja yang berasa tidak selesa, mereka juga berasa tidak selesa.

Dr rasakan sikap lebih berhati-hati adalah lebih baik daripada mengandaikan usaha adik berdua untuk memahami dan menganggap umpatan serta gosip rakan sekerja mengenai hubungan cinta kalian adalah normal di tempat kerja.

Ini kerana, walaupun adik menganggap hubungan pekerja dengan majikan adalah normal, ia mungkin tidak bagi orang lain. Perhubungan cinta adik dengan majikan boleh berjalan dengan lebih selesa jika kalian berhati-hati dan menjaga sensitiviti orang lain terutama rakan sekerja dapat diwujudkan.

Bersikap profesional dalam menjalankan tugas juga akan dapat menghilangkan persepsi negatif hubungan adik berdua di samping dapat menjalankan kerja dengan baik walaupun bercinta.